

BAGAIMANAKAH WARNA DIGUNAKAN DALAM MASYARAKAT MELAYU,
CINA DAN INDIA DI MALAYSIA

Oleh

Rosidah bt. Haji Ismail

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka,
Institut Teknologi Mara, sebagai memenuhi sebahagian dari-
pada keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

1. Diperiksa oleh:..... Tarikh.....

2. Diperiksa oleh: Tarikh.....

3. Diperiksa oleh: Tarikh.....

Diluluskan oleh: Tarikh.....

PRAKATA PENGHARGAAN

Alhamdulillah, kesyukuran itu hanyalah untuk Allah kerana dengan izinnya, tesis yang bertajuk " Bagaimanakan Warna digunakan dalam Masyarakat Melayu, Cina Dan India " telah dapat di sempurnakan, bagi memenuhi keperluan Diploma Senilukis dan Senireka, ITM.

Ucapan jutaan terimakasih kepada ahli-ahli keluarga yang telah banyak memberikan sumbangan keewangan dan moral, kepada para pensyarah yang banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar menjalankan tesis ini. Tidak lupa juga kepada orang ramai dari semua kaum yang terlibat kerana telah berkesudian memberi maklumat di mana ia banyak membantu penyelidikan ini, khususnya di sekitar kawasan Johor Baharu, Senai, Pontian, Shah Alam, Kelang dan Kuala Lumpur.

Kajian ini telah merujuk kepada buku-buku, majalah, artikel, akbar-akbar yang berkenaan dengan tajuk penyelidikan. Oleh yang demikian ucapan terimakasih juga adalah untuk pehak perpustakaan-perpustakaan iaitu Perpustakaan Tun Abdul Razak, Perpustakaan Negeri Selangor, Perpustakaan Negara dan Perpustakaan awam Pontian.

Akhir sekali kepada mana-mana pehak yang tidak disebutkan namanya di sini, pehak penulis mengucapkan terimakasih yang tidak terhingga. Tanpa mereka semua, tesis ini tidak dapat berjalan dengan lancar dan sempurna. Akhir kata, " Yang baik itu adalah datangnya dari Allah, yang buruk itu dari saya jua "

SEKIAN.

KANDUNGAN

BAB	HALAMAN
VI. BAGAIMANA WARNA DIGUNAKAN DALAM MASYARAKAT INDIA	
Latar Belakang Masyarakat India Di Malaysia..	57
Bagaimana Warna Digunakan Dalam Masyarakat India..	60
VII. REAKSI MASYARAKAT TERHADAP WARNA..	67
Contoh Bentuk Soal Selidik..	68
Keputusan Soal Selidik	71
VIII. KESIMPULAN	81
BIBLIOGRAFI.. . . .	87
GAMBAR FOTO	89
GAMBAR SLIDE.. . . .	95

PENGENALAN

Malaysia ialah sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka. Penduduknya terdiri dari berbagai kaum, bangsa, keturunan, agama yang berlainan. Setiap bangsa ini mempunyai nilai-nilai etika yang berlainan mengikut kepercayaan agama dan adat resam masing-masing.

Tidaklah wajar bagi kita, hanya memahami adat, kebudayaan satu kaum sahaja tanpa mengetahui kaum yang lain, lebih-lebih lagi sekiranya mereka itu mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat. Oleh itu tidak kurang pentingnya penulisan tesis ini mengenai warna yang digunakan dalam masyarakat. Adalah mustahil untuk mengambil semua kaum di Malaysia sebagai kajian, kerana berbilangnya bangsa yang menjadi rakyat Malaysia. Demikian itu, penulisan tesis ini ini hanya menyentuh kepada masyarakat majoriti iaitu Melayu, Cina dan India.

Sejajar dengan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa adalah penting setiap individu mengetahui sedikit sebanyak mengenai bagaimanakah warna digunakan dalam masyarakat tersebut. Ini kerana warna seringkali digunakan dan menjadi peranan utama dalam upacara tertentu sebagai simbol dan memberi gambaran masyarakat itu sendiri.